

AJAK PEMANDU BERBUAL

■ Drebar, penumpang maut
bas ekspres langgar lori,
rempuh tebing bukit

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
dan Mohd Husni Mohd Noor
metroperak@hmetro.com.my


Tapah

“**B**apa cuba meneman-kan pemandu bas itu yang mengantuk dengan mengajaknya berbual sambil dia duduk berhampiran tangga bas. Namun tidak sangka niat baik ayah berakhir tragedi,” kata Mohd Amin Abdul Rahman, 32.

Dalam kejadian jam 7 pagi itu, bapanya yang juga penumpang bas, Abdul Rahman Noh, 59, terbunuh selepas bas ekspres dinaiki melanggar lori sebelum merempuh tebing bukit di Kilometer 314, Lebuhraya Utara-Selatan arah utara.


“Saya mengetahui nasib buruk menimpa ayah selepas dihubungi ibu, Rohani Limat, 57, yang turut menaiki bas ekspres itu dari Kempas, Johor menuju Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

“Ayah dan ibu ingin pulang ke kampung sejurus mendapat tahu



“**I**bu beritahu bas ekspres itu tiada pemandu bas kedua dipandu dalam keadaan terhuyung-hayang. Susulan itu, ayah cuba bantu dengan mengajak pemandu terbabit berborak bagi hilangkan rasa mengantuk”

Mohd Amin Abdul Rahman



BAHAGIAN hadapan bas ekspres terbabit remuk.

datuk saya meninggal dunia mengejut akibat demam panas jam 11 malam kelmarin,” katanya.

Dia yang bertugas di Pulau Pinang segera pergi ke rumah datuknya itu sementara menanti kedatangan kedua ibu bapanya dari Johor.

“Saya cuba menghalang niat mereka menaiki bas ekspres pada lewat malam atas faktor keselamatan. Namun saya terkejut apabila mendapat tahu mereka sudah menaiki bas ekspres ketika saya menghubungi telefon bimbit ibu

pada jam 1 pagi semalam.

“Namun saya terkejut apabila ibu menghubungi saya awal pagi semalam dan memberitahu mereka terbabit kemalangan. Lebih menyedihkan apabila ayah mati di tempat kejadian,” katanya.

Dia bergegas ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk melawat ibunya yang luka teruk pada muka akibat terkena

serpihan cermin bas yang pecah.

“Ibu beritahu bas ekspres itu yang tidak mempunyai pemandu bas kedua dipandu dalam keadaan terhuyung-hayang. Susulan itu, ayah cuba membantu dengan mengajak pemandu terbabit berborak bagi menghilangkan rasa mengantuk.

“Bagaimanapun, bas itu merempuh belakang lori sebelum pemandu terbabit didakwa melompat keluar,” katanya ketika ditemui di bilik Mayat Hospital Tapah, semalam.




INGGUNA pangsapuri
mengangkut jenazah
mangsa untuk dibawa
ke Hospital Tapah

MAUT



MOHD Anuar



ABDUL Rahman

Dia yang juga pembekal minuman mendakwa terkilang berikutan baru saja membawa ibu bapanya melancong ke Langkawi minggu lalu.

“Saya tidak menyangka kehilangan dua ahli keluarga serentak pada satu masa. Saya minta pihak berkuasa menyiasat sama ada benar bas ekspres itu tidak mempunyai pemandu bas kedua,” katanya.

Sementara itu, anak saudara mangsa yang mahu dikenali sebagai Ida, 20-an berkata, dia bersama ahli keluarga lain sibuk menguruskan pengebumian datuknya yang meninggal dunia malam kelmarin.

“Arwah bersama isteri sepatutnya dalam perjalanan untuk menghadiri majlis pengebumian datuk pagi ini (semalam). Namun semua ahli keluarga terkejut apabila mengetahui kemalangan itu,” katanya ketika ditemui di Unit Kecemasan, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, semalam.

Ida berada di hospital berkenaan bagi menemani Rohani yang parah di muka dan kepala akibat kemalangan itu.



Dua korban nahas lebuhraya



1 Bas ekspres dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Pulau Pinang

2 Bas melanggar bahagian kanan belakang lori menyebabkan pemandu bus terhumban keluar sebelum menemui ajal

'Penumpang suruh bawa bas laju'

Ipoh: Pemandu bas ekspres yang maut dalam kemalangan pagi semalam sempat berkongsi cerita ngeri berhubung laluan maut Lebuhraya Utara-Selatan antara Gopeng ke Tapah yang kerap berlaku kemalangan bersama beberapa penumpang.

Perkara itu disahkan Mohd Khaizul Safiee, 29, penumpang bas yang terselamat dalam kemalangan awal pagi semalam.

Menurutnya, pemandu bas, Mohd Anuar Jantan, 42, berkongsi kisah tragedi ngeri yang berlaku di laluan itu apabila ada penumpang bertanyakan berhubung kemalangan di lokasi berkenaan.

Dia yang ditemui di pekarangan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), di sini, semalam, berkata, Anuar sebelum itu mengadu dia tidak boleh memandu bas dengan laju kerana terlalu penat selain mengantuk akibat dua hari tidak tidur.

"Ketika dalam perjalanan, beberapa penumpang memaksa arwah memandu le-




MOHD Khaizul

bih laju berikutan bas dibawa terlalu perlahan. Bagaimanapun, arwah menyatakan dia sangat penat.

"Saya tidak menyangka bas kami naiki terbabit kemalangan di laluan itu, malah lebih memilukan dia maut dalam kemalangan itu," katanya.

Katanya, bas berkenaan bertolak dari Johor Bahru jam 11.30 malam kelmarin sebelum berhenti di Hentian Pudu Sentral jam 5 pagi untuk menukar bas.



LOKASI NAHAS
KM 314.3 Lebuhraya
Utara Selatan



FOTO: L. MANIMARAN

'Saya lihat kenderaan terhuyung-hayang'

Tapah: "Saya sempat melihat melalui cermin sisi, bas ekspres itu dipandu terhuyung-hayang sebelum gagal memotong lalu menghentam belakang lori saya," kata pemandu lori M Sarevanan, 24, yang terbabit kemalangan di Kilometer 314, Lebuhraya Utara-Selatan, semalam.



SAREVANAN

Dalam kejadian jam 7 pagi itu, dia ditemani kelindan, K Subramaniam, 21, dalam perjalanan membawa penutup plastik silinder gas dari Shah Alam, Selangor ke Pulau Pinang.

"Ketika itu saya memandu tidak lebih 50 kilometer sejam berikutan muatan berat selain keadaan jalan berbukit.

"Namun saya terkejut apabila melihat sebuah bas ekspres tiba-tiba muncul dan dipandu rapat di belakang lori kami," katanya.

Dia mendakwa bas berkenaan cuba memotong namun gagal berikutan terdapat sebuah kereta di lorong kanan lebuhraya.

"Akibatnya bas itu merempuh kuat belakang lori kami sebelum bergesel. Bahagian sisi kanan lori pecah menyebabkan separuh dari muatan plastik berterabur di atas jalan.

"Pemandu bas terbabit tercampak keluar sebelum bas ekspres itu hilang ka-

walan lalu merempuh tebing bukit di bahu lebuhraya," katanya.

Lima penumpang bas yang duduk di bahagian hadapan bas ekspres itu turut cedera parah dan dihantar dengan ambulans untuk mendapatkan rawatan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Superintendan Som Sak Din Keliaw berkata, kemalangan berlaku apabila pemandu bas berkenaan tidak sempat mengelak lori di hadapan yang berada di lorong kiri lebuhraya.

"Akibatnya, pemandu bas, Mohd Anuar Jantan, 42, dan penumpang, Abdul Rahman Noh, 59, maut di lokasi kejadian," katanya.